

KOS SARA HIDUP BEBAN EKONOMI UTAMA SEPENJANG 2015

*Zakariah Abdul Rashid
Pengarah Eksekutif, MIER*

Kos sara hidup rakyat telah meningkat. Ini berlaku kerana IHP 'makanan dan minuman tidak beralkohol', yang merupakan satu-pertiga daripada jumlah perbelanjaan isirumah, telah naik begitu ketara sekali. Adakah kos sara hidup di Malaysia tinggi? Tidak. Keperluan asas, terutama makanan dan minimum boleh diperolehi dgn harga yang amat berpatutan dalam dolar Amerika. Tidak banyak beza, mungkin lebih rendah, harga di Kuala Lumpur berbanding dgn di bandar-bandar lain di rantau ini mahu pun di peringkat global. Mereka yang memperolehi pendapatan dari luar Malaysia, pelancong asing dan rakyat tempatan yang bekerja di luar negara, lebih berkemampuan. Dalam dunia tanpa sempadan hari ini, "kita berbelanja dalam dolar Amerika", kerana ekonomi Malaysia amat dipengaruhi oleh barangan import, sedang gaji kita amat rendah terutama dalam suasana Ringgit yg sangat lemah.

Ketidak-stabilan ekonomi boleh berlaku akibat dari pelbagai faktor. Ia akan sampai kekemuncaknya apabila ketidak-stabilan itu mengenai sektor sosial. Peningkatan Kos sara hidup yang membebankan berlaku apabila pendapatan pengguna merosot ke paras yg tidak lagi dapat menampung perbelanjaan kebiasaan atau lebih parah lagi jika ia tidak dpt menampung keperluan asas. Peningkatan Kos sara hidup adalah bayangan kepada ketidak-stabilan ekonomi ini. Kemosrotan pendapatan boleh berlaku kerana pekerja menerima upah yang rendah (berbanding dengan nilai keluaran yang disumbangkan) atau kerana peningkatan harga umum yang sering disebut sebagai inflasi (yang menyebabkan kemosrotan kuasa beli). Malaysia menawarkan habuan pekerja pada nisbah yang rendah berbanding dgn KDNK, menandakan kapitalis menerima habuan yang tinggi. Mari kita tumpukan perbincangan kos sara hidup ini kepada aspek inflasi, yang diukur oleh IHP. Kita akan membincangkan insyaallah dalam kesempatan yang lain aspek kos sara hidup yg dipengaruhi oleh pendapatan isirumah. Peningkatan semenjak Februari 2015 dalam trend IHP yg berterusan, khususnya dalam IHP untuk 'makanan dan minuman tidak beralkohol' dikatakan sebagai petanda fenomena inflasi, yang memberi pukulan hebat kpd peningkatan kos sara hidup.

Untuk membincangkan Persoalan tentang Bagaimana inflasi menjejaskan kos sara hidup kita mesti terlebih dahulu memahami corak perbelanjaan isirumah, yang biasanya dicerminkan oleh bakul lumrah pengguna DOSM dgn wajaran tertentu. Bakul lumrah pengguna ini dibentuk berdasarkan maklumat "penyiasatan perbelanjaan pengguna" DOSM. Walaupun ramai yang menyedari bakul ini berbeza antara yang terdapat di bandar dengan yang di desa, perbincangan kita untuk bakul yang terdapat di peringkat nasional, memadai.

Isirumah berbelanja atas pelbagai-aneka barangan. Antara dua-pertiga hingga tiga-suka daripada jumlah perbelanjaan itu didapati (68% drp jumlah yang mereka belanjakan) ke atas empat kumpulan utama barangan, yakni 'makanan dan minuman tidak beralkohol', 'perumahan, air, elektrik, gas dan bahan-bahab api lain', 'restoran dan kafe', dan 'pengangkutan'. Daripada tumpuan barangan yang disebut ini, kita boleh menyenaraikan antara 10 hingga 15 barang yang sering dibeli. Lebih setengah daripada perbelanjaan ke atas 'makanan dan minuman tidak beralkohol' adalah ke atas beras, daging ayam, roti dan kuih, ikan segar (terutama kembong) dan makanan laut segar lain, dan sayur-mayur. Perbelanjaan ke atas membayar sewa rumah (sewa sebenar atau dinilai), bil air dan elektrik mengambil antara satu-perlima hingga satu-suku sedang ke atas kereta (termasuk motorsikal), bahan api dan pelincir serta pembaikan dan penyenggaraannya mengambil lebih kurang 10-15 peratus. Dan peruntukan perbelanjaan makan di luar rumah mengambil antara 10-15 peratus juga. Mengaitkan dgn kos sara hidup, jika harga barang-barang ini meningkat ia akan terus menjejaskan secara langsung kuasa beli pendapatan nominal isirumah sementara jika yg meningkat itu ke atas barangan lain kesannya tidaklah sebesar sangat. Walaupun begitu, bagi kedua-dua keadaan, kita tidak boleh memandang remeh kesan tidak lansung, walaupun kesannya tidak terus, tetapi ia masih berpengaruh bergantung ke atas kekuatan rantai teknikal pengeluaran barangan itu.

Malaysia mengawal beberapa harga barangan untuk memastikan ia mampu dibeli. Barangan yang dalam kawalan harga ialah minyak masak, gula, beras, tepung gandum, LPG, RON95, diesel dan topeng muka. Walaupun matlamat dasar kawalan harga ini jelas, mengawal sama ada terus kepada barangan pengguna muktamad yang banyak dibeli atau yang digunakan untuk menyediakan barangan pengguna muktamad, keberkesanannya tidak dapat dipastikan. Kecuali barangan pengguna muktamad LPG, RON95 dan beras, barangan utama lain yang dibeli terlepas dari kawalan harga. Dua Barangan petroleum itu pula telah mengalami pengurangan subsidi. Dalam kategori 'makanan dan minuman tidak beralkohol', ikan dan keluaran hasil laut (kembong dan selayang), ayam dan sayur-mayor yang merupakan barangan yg banyak dibeli dan yg telah mengalami peningkatan harga yg tinggi.

Malaysia sedang merasionalkan program subsidi, yang menyaksikan beberapa pemberian subsidi dikurangkan. Sejak 2008, kerajaan telah memansuhkan subsidi ke atas besi keluli, roti, ayam, simen dan susu pekat. Walaupun minyak mentah mempunyai rantai yg mungkin erat dengan bahan api dan barangan-barangan lain tetapi perlu difahami kesan kejatuhan harga komoditi ini bersifat *sector specific*. Ini berbeza dgn, kedua-dua, kemerosotan kadar tukaran Ringgit dan pengenaan GST, yang lebih bersifat menyeluruh, menjejaskan terus hampir setiap sektor. Ini belum lagi diambil kira kemungkinan ia menjejaskan secara tidak langsung hampir ke semua sektor dan ke seluruh ekonomi.

Tahun 2015 menyaksikan peristiwa besar melanda ekonomi global, kejatuhan yang dahsyat dalam harga minyak mentah dan pengukuhan kadar tukaran dolar Amerika yg mengakibatkan penyusutan yang besar dalam kebanyakan kadar tukaran matawang-matawang dunia, khususnya antara paling teruk, ke atas Ringgit. Dalam tahun ini juga, pada bulan April, kita mula mengenakan GST. Perkara yg kita ingin tarik perhatian pembaca ialah apakah kesan peristiwa ini ke atas IHP? Semua orang tahu bahawa sedang Kejatuhan harga minyak mentah dunia menurunkan harga minyak petrol dan diesel di pam minyak, penyusutan kadar tukaran Ringgit dan pengenaan GST, meningkatkan harga barangan pengguna. Tekanan kehangatan berterusan IHP sepanjang tahun 2015 menunjukkan kesan penyusutan kadar tukaran Ringgit dan pengenaan GST telah mengalahkannya kesan dingin kejatuhan harga minyak mentah dunia.

Mari kita tumpukan pula kepada trend IHP sepanjang 2015. Kita ingin membincangkan dinamika perubahan IHP sepanjang 2015 yang disebabkan oleh kejatuhan harga minyak mentah dunia, penyusutan kadar tukaran Ringgit dan pengenaan GST. Namun demikian, kita sedia maklum bahawa selain drp tiga faktor yg kita sebutkan ini, ada juga faktor-faktor lain seperti rasionalisasi subsidi, pengenaan dasar gaji minima dan langkah-langkah reformasi struktur lain.

Dalam sepanjang tahun 2015, Tekanan berterusan dan berpengaruh peningkatan IHP kelihatan datang dari kumpulan utama 'makanan dan minuman bukan alkohol' (+54.1%) dan 'perumahan, air, elektrik, gas dan bahan-bahab api lain' (+25.9%) sedang 'pengangkutan' (-32.1%) kelihatan menyejukkan sedikit tekanan tersebut, walaupun tidak begitu berupaya. Angka dalam kurungan menunjukkan sumbangan kepada perubahan IHP sepanjang 2015. Tekanan peningkatan IHP oleh 'makanan dan minuman tidak alkohol' dan 'perumahan, air, elektrik, gas dan bahan-bahab api lain' kelihatan lebih bertenaga berbanding dgn penyejukan oleh 'pengangkutan', sekali gus menjelaskan kesan penyusutan kadar tukaran Ringgit dan Pengenaan GST ke atas barangan kategori pertama lebih kuat drp kesan kejatuhan harga minyak mentah. Ini mungkin kerana, dari apa yg telah dijelaskan di awal tadi, tekanan menghangatkan IHP lebih bersifat menyeluruh, berpunca oleh rangsangan awal dari luar lantas menolak naik harga-harga barang dan perkhidmatan. Ini berbeza sekali dengan tekanan menyejukkan IHP yang lebih bersifat *sector specific*, berpunca oleh ransangan awal dari dalam lantas menekan ke bawah harga-harga barang dan perkhidmatan. Seperkara lagi, Walau pun rangsangan awal oleh kedua-dua penyebab tadi sama-sama hebat tetapi bertentangan, akhirnya ia ditunjukkan oleh perubahan indeks IHP.

Masalah Kos sara hidup tidak akan dapat diperbaiki kecuali kita meningkatkan pendapatan nominal isirumah dan/atau menurunkan harga-harga barang dan perkhidmatan, kedua-dua faktor ini menuntut penyusunan strategi jangka-pendek dan jangka-panjang yang kemas. Kita boleh mengubah faktor-faktor ini tetapi dengan menggunakan instrumen yang berbeza. Bagi faktor yang disebut kedua itu, yg menjadi pokok perbincangan kita ini, jika kita dapat menghadkan penyusutan kadar tukaran Ringgit dan menyederhanakan kesan dari GST, kita akan dapat membendung peningkatan berlebihan harga-harga barang dan perkhidmatan. Kadar tukaran Ringgit pula

ditentukan selain oleh asas ekonomi makro juga oleh keyakinan dan sentimen pasaran yang berkait erat dengan kekuhuan institusi politik dan sosial. Sedang asas ekonomi makro banyak ditentukan oleh faktor di luar kawalan kita, keyakinan dan sentimen pasaran boleh kita pulihkan dengan mengambil langkah-langkah tertentu. Rasionalisasi subsidi dan pemansuhan kawalan harga adalah sebagai sebahagian daripada dasar pelonggaran tetapi kerana ia dilaksanakan dengan rangka kerja peraturan dan penguat-kuasaan yang lemah dalam perdagangan dalam negeri kebajikan pengguna menjadai terabai. Kesimpulannya, senjata yang paling ampuh memerangai masalah kos sara hidup ialah melalui dasar yang dapat mengubah kadar tukaran Ringgit dan dasar yang boleh menjadikan struktur pasaran dan penguat kuasa perdagangan dalam negeri lebih berwibawa.